

27/10/2000

Pembinaan empangan Bakun ikut saiz asal

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan mungkin meneruskan pembinaan infrastruktur Empangan Bakun di Belaga, Sarawak pada saiz asal, dengan pemasangan turbin janakuasa dibangunkan mengikut keperluan.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, berkata pemasangan turbin membabitkan kos yang tinggi serta perlu diimport dari luar negara, berbanding infrastruktur yang hanya menggunakan kepakaran tempatan.

Beliau berkata, antara cadangan itu termasuk memperkenalkan turbin janakuasa berkuasa 500 megawatt (MW) pada fasa pertama dengan kapasiti dibesarkan apabila wujud keperluan.

"Cadangan itu masih diteliti oleh jawatankuasa pelbagai agensi kerajaan... ia bukan sesuatu yang dilakukan oleh kementerian saya saja," katanya di rumah terbuka Deepavali Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Dr S Subramaniam, di sini hari ini.

Isnin lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan memutuskan sama ada projek hidro elektrik Bakun yang dipulihkan semula, diteruskan mengikut cadangan asal dengan keupayaan menjana 2,400 megawatt (MW) tenaga elektrik.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, projek hidro Bakun itu perlu kerana permintaan bekalan elektrik yang semakin meningkat.

Moggie berkata, kerajaan memutuskan untuk memulihkan projek berkenaan apabila mendapati negara mampu membangunkan projek berkenaan menggunakan kepakaran tempatan.

"Ia lebih murah kerana semua sumber boleh diperolehi di dalam negara. Misalnya syarikat pembinaan tempatan kini mampu mengendalikan projek gergasi dan bahan pembinaan juga boleh diperolehi dengan mudah," katanya.

Projek empangan elektrik hidro Bakun ditangguhkan ketika kegawatan ekonomi dan diambil alih Menteri Kewangan Diperbadan daripada Bakun Hydroelectric Corporation Bhd (BHC) pada 10 Ogos tahun lalu.

(END)